

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA BULETIN AKM

SOROTAN FEBRUARI

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP KAMPUNG ANGKAT MADANI

7 Februari 2026

Sebanyak 19 projek dibawah inisiatif Kampung Angkat MADANI telah berjaya disiapkan dan diserahkan secara rasmi kepada AKM dalam Karnival Kampung Angkat MADANI pada 7 Februari 2026.

Majlis penyerahan rasmi tersebut telah dilaksanakan oleh Jawantakuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JKPP) kepada AKM melalui Ketua Pengarah YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Hussin, dan disaksikan oleh YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Isteri kepada YAB Perdana Menteri.

Kesemua projek yang disiapkan melibatkan pelbagai penambahbaikan kemudahan dan keperluan komuniti setempat, selaras dengan matlamat Program Kampung Angkat MADANI yang menekankan pendekatan turun padang serta kerjasama antara agensi dan masyarakat.

Penyerahan projek ini menandakan penyempurnaan fasa pelaksanaan bagi inisiatif tersebut, selain mencerminkan komitmen berterusan AKM dalam menyokong agenda pembangunan komuniti yang berfokus dan berperingkat.



PROGRAM UKHWAH MADANI BERSAMA PERSATUAN PERPADUAN RAKAN PENGHANTARAN MALAYSIA & PELANCARAN STICKER RAMADHAN

16 Februari 2026

Penganjuran Program Ukhwah MADANI bersama Persatuan Perpaduan Rakan Penghantar Malaysia (PPRPM) dan Peluncuran Stiker Ramadan telah dilaksanakan di Petaling Jaya, Selangor.

Program ini bertujuan untuk memperkukuhkan semangat perpaduan dan Kebajikan dalam kalangan komuniti pekerja gig, khususnya golongan penghantar makanan dan barangan.




PROGRAM KEPIMPINAN MADANI PENGURUSAN TERTINGGI UUM

9-11 Februari 2026

Program Kepimpinan MADANI Pengurusan Tertinggi merupakan program kerjasama antara AKM dengan Kementerian Pendidikan Tinggi yang bertujuan memperkasakan ilmu kenegaraan dan patriotisme dalam kalangan pemimpin kepimpinan tertinggi universiti dalam memastikan hala tuju universiti selari dengan aspirasi pembangunan negara yang mampan dan berpaksikan gagasan Malaysia MADANI.

Turut hadir dalam memberikan pengisian dalam program Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir.



AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

BULETIN AKM

MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI AKM BIL 2/2026

24 Februari 2026

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) Bilangan 2 Tahun 2026 telah berlangsung pada 24 Februari 2026 di Melaka.

Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan secara menyeluruh dan komprehensif kaedah memperkukuhkan organisasi, tadbir urus yang baik, serta pemantapan pelaksanaan Program Malaysia MADANI kepada pelbagai kumpulan sasar. Ini selaras dengan misi AKM untuk memperkasa latihan kenegaraan ke arah pembinaan negara bangsa dan memperkukuh semangat patriotik berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Komitmen dan kerjasama yang diberikan telah menyumbang kepada kelancaran dan kejayaan mesyuarat ini.



KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA POLIS NEGARA

25 Februari 2026

YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Hussin, Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pejabat Perdana Menteri bersama-sama pengurusan tertinggi dan pengarah bahagian hadir membuat kunjungan hormat kepada YDH IG Dato' Sri Hj. Mohd Khalid bin Hj Ismail, Ketua Polis Negara (KPN) di Kuala Lumpur.

Pertemuan kali pertama ini memberi fokus kepada usaha sama kedua-dua pihak untuk ruang kolaboratif yang lebih erat antara AKM dan PDRM, seterusnya memperkukuh usaha bersama dalam menjayakan inisiatif yang memberi manfaat kepada rakyat dan negara.



KUNJUNG HORMAT KEPADA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (MCMC)

20 Februari 2026

Sesi pertemuan yang melibatkan Ketua Pengarah AKM dan Pengerusi MCMC telah bersetuju untuk meneruskan kerjasama baik kedua-dua pihak melalui penyelarasan yang lebih sistematik, termasuk pelaksanaan program latihan berbentuk digital dan latihan kenegaraan secara dalam talian. Semoga hubungan kerjasama antara AKM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) terus diperkasa selaras dengan aspirasi pembangunan sektor komunikasi dan multimedia negara.





PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA PEJABAT PERDANA MENTERI



www.akm.gov.my

AkademiKenegaraanMalaysia

SEKSYEN PENERBITAN

INSTITUT KENEGARAAN PERDANA
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI